

Eratkan hubungan antara universiti

Kesempatan mengunjungi Masjid Kristal tidak dilepaskan.



eratkan hubungan dua hala antara UTHM dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), selain menikmati keindahan Terengganu.

Pengaruh program itu, Muhammad AliffHalakal Mohammad Sofi, berkata kunjungan ke UMT dan UniSZA membolehkan mereka melawat sekitar kampus berkenaan, di samping mengadakan sesi percambahan idea dan perkongsian pengalaman dengan MPP kedua-dua universiti terbabit.

Main futsal

"Perbincangan itu antara lain menyentuh mengenai perancangan masa depan untuk memenuhi objektif dietetapkan dan menjaga keajikan pelajar.

"Bagi mengeratkan lagi hubungan, kami tidak ketinggalan bermain futsal bersama-sama," katanya.

Beliau berkata, mereka turut mengunjungi beberapa tempat menarik seperti Kampong Cina atau lebih dikenali sebagai Chinatown di sini, Pasar Pavang, Masjid Kristal dan Muzium Terengganu.

Kuala Terengganu: Seramai 35 mahasiswa dan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyertai Program Delegasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Siri Jelajah Zon Pantai Timur baru-baru ini.

Program itu bertujuan menge-



Rombongan UTHM yang menyertai Program Delegasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Siri Jelajah Zon Pantai Timur.



Antara tempat menarik sekitar Terengganu yang dikunjungi.